

UNTUK EDARAN SEGERA

IJM Allianz Duo Highway Challenge 2025: 13,000 Pelari, Satu Perlumbaan yang Lebih Lestari

PETALING JAYA, 3 Ogos 2025 – IJM Allianz Duo Highway Challenge 2025 melabuhkan tirainya dengan jayanya hari ini, menandakan edisi ketujuh acara larian lebuhraya paling berprestij di Malaysia. Lebih 13,000 pelari telah “menguasai” Lebuhraya New Pantai (NPE) dan Lebuhraya Sungai Besi (BESRAYA) yang ditutup sementara, menjadikan lebuhraya yang lazimnya sibuk sebagai medan perayaan untuk komuniti larian dan kecergasan serta merekodkan penyertaan terbesar dalam sejarah acara ini.

Acara ini telah disempurnakan dengan pelepasan rasmi oleh YBhg Dato’ Ir Sazali Harun, Ketua Pengarah Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM).

Cabaran tahun ini menarik penyertaan daripada 31 buah negara, dengan 80% peserta tempatan dan 20% peserta antarabangsa. Acara ini menampilkan pelbagai kategori iaitu maraton penuh 42.195km, separuh maraton 21km, hingga ke kategori 10km dan 5km yang menyaksikan gabungan pelari profesional dan pelari baharu, sekali gus mewujudkan suasana larian inklusif dan dinamik.

Dengan pengiktirafan rasmi daripada World Athletics, IJM Allianz Duo Highway Challenge kini telah mengukuhkan kedudukannya sebagai acara utama dalam kalendar larian serantau. Mengangkat tema 2025 “Highway Legend”, acara ini meraikan ketabahan, perpaduan dan semangat insan sambil menetapkan penanda aras baharu dalam pelaksanaan acara larian yang lestari.

KOMITMEN TERHADAP KESELAMATAN DAN IMPAK KOMUNITI

Anjuran bersama IJM Corporation Berhad dan Allianz Malaysia Berhad, acara ini mengekalkan komitmen teguh terhadap aspek keselamatan peserta dan penglibatan komuniti. Pasukan penganjur iaitu New Pantai Expressway Sdn. Bhd. dan Besraya (M) Sdn. Bhd. (anak syarikat Divisyen Tol IJM) telah bekerjasama rapat dengan Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM), Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan agensi-agensi berkaitan bagi memastikan kelancaran dan keselamatan pelari sepanjang acara.

PENGALAMAN LARIAN YANG LEBIH LESTARI

Edisi 2025 memperkenalkan beberapa inisiatif kelestarian baharu:

Pengumpulan dan Kitar Semula Botol Plastik

Lebih 16,000 botol plastik yang digunakan sepanjang acara telah dikumpul dan dihantar ke fasiliti kitar semula yang sah, sekali gus memastikan sifar sisa plastik. Inisiatif ini dijalankan bersama Trash4Cash dengan sokongan 286 sukarelawan di stesen air.

Pakaian Larian Lestari

Buat pertama kalinya, pakaian rasmi peserta dihasilkan menggunakan fabrik kitar semula berprestasi tinggi yang biodegradasi, menggabungkan kesedaran alam sekitar dengan keperluan fungsi atletik.

Pengalaman Larian Tanpa Kertas

Dengan penggunaan pendaftaran digital, butiran kit larian dan e-sijil penyertaan, acara ini meneruskan usaha mengurangkan penggunaan kertas sambil meningkatkan kemudahan kepada peserta.

“Setiap tahun, IJM Allianz Duo Highway Challenge terus menggesa kami untuk menaikkan standard, bukan hanya dari segi jarak larian, tetapi juga bagaimana kami mengaktifkan lebuh raya untuk komuniti. Kini dengan pensijilan World Athletics dan sokongan kukuh daripada rakan strategik, acara ini bukan sahaja menepati piawaian antarabangsa, tetapi turut mengekalkan semangat lokal. Daripada pakaian kitar semula hingga pengalaman digital sepenuhnya, kami berbangga acara ini menjadi platform untuk gaya hidup sihat, tanggungjawab alam sekitar, dan semangat bersama saban tahun ujar Dato’ Lee Chun Fai, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan dan Pengarah Urusan, IJM Corporation Berhad.

Beberapa pencapaian penting telah direkodkan tahun ini:

- Acara ini secara rasmi menjadi ahli Persatuan Maraton dan Larian Jarak Jauh Antarabangsa (AIMS) iaitu langkah penting dalam penajaran kepada piawaian global.
- Satu pencapaian bersejarah telah direkodkan dalam Malaysia Book of Records apabila buat pertama kalinya, maraton penuh disempurnakan seorang pelari bernama Norhazim Izzat bersama seorang kanak-kanak OKU (Orang Kurang Upaya) melalui kerjasama erat dengan sebuah keluarga sokongan autisme.

MENYOKONG KESEDARAN AUTISME

Sebagai sebahagian daripada usaha Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR), acara tahun ini turut mengumpul dana dan meningkatkan kesedaran mengenai autisme, khususnya organisasi yang menyokong kanak-kanak dan keluarga yang terkesan.

“Kami berbangga meneruskan sokongan terhadap IJM Allianz Duo Highway Challenge, sebuah acara yang merangkumi nilai-nilai gaya hidup sihat dan kelestarian. Edisi tahun ini bukan sahaja menzahirkan nilai-nilai tersebut, tetapi turut menyumbang perubahan positif terhadap komuniti dan alam sekitar,” – Encik Sean Wang, Ketua Pegawai Eksekutif, Allianz Malaysia Berhad.

“Melihat 13,000 pelari melintasi garisan penamat adalah bukti jelas terhadap visi kami. Acara ini bukan sekadar tentang pencapaian peribadi – ia tentang mencipta impak melalui sukan dan kelestarian,” – Eugene Chan, Pengarah Perlumbaan dan Pengarah Urusan EC Pixels Asia.

Keputusan Acara Rasmi

42.195KM Maraton Penuh

Wanita Antarabangsa

No	Bib No.	Nama	Negara	Masa
1	15013	VU KAHN LINH	VIETNAM	3:13:45
2	15007	LYNIL QUEBEC MARTINEZ	PHILIPPINES	3:52:09
3	15001	CHAMAIPHON AODPIM	THAILAND	4:18:19

Lelaki Antarabangsa

No	Bib No.	Nama	Negara	Masa
1	10039	HIDEYUKI KAWADA	JAPAN	2:50:14
2	10018	WANG XIANG	CHINA	2:51:33
3	10031	PRASOET PHAISAN	THAILAND	3:19:15

Wanita Terbuka (Umur 16 - 39)

No	Bib No.	Nama	Negara	Masa
1	30032	ANG KEE MAY	MALAYSIA	3:39:55
2	30019	LEE YEE SAN	MALAYSIA	3:45:35
3	30011	LAM HUI THENG	MALAYSIA	3:46:41

Wanita Veteran (Umur 40 ke atas)

No	Bib No.	Nama	Negara	Masa
1	35055	CHONG MEI SZE	MALAYSIA	3:22:59
2	35012	THAM SEOW YEE	MALAYSIA	3:39:37
3	35071	SITI NURBAIZURAH	MALAYSIA	3:48:40

Lelaki Terbuka (Umur 16 - 39)

No	Bib No.	Nama	Negara	Masa
1	20529	THENUEL TELI	MALAYSIA	2:47:49
2	20467	ROBIN TAN	MALAYSIA	2:52:10
3	20383	MOHAMAD ROZI KASIM	MALAYSIA	2:53:16

Lelaki Veteran (Umur 40 ke atas)

No	Bib No.	Nama	Negara	Masa
1	25348	MUHAMAD HANIFF MAT ZAIN	MALAYSIA	2:59:47
2	25445	MOHD HARMINI BIN AHMAD	MALAYSIA	3:09:50
3	25423	MOHD AZLI BIN JAMIL	MALAYSIA	3:11:24

21KM Half Marathon

Wanita Antarabangsa

No	Bib No.	Nama	Negara	Masa
1	45030	EVANGELINE MAKENA KATHENYA	KENYA	1:19:56
2	45015	HUNG CHI-WEN	NEW ZEALAND	1:30:56
3	45013	THI MY HONG VO	VIETNAM	1:50:25

Lelaki Antarabangsa

No	Bib No.	Nama	Negara	Masa
1	40061	PETER KETER	KENYA	1:14:03
2	40065	EVANS KIPTOO BOMER	KENYA	1:14:04
3	40059	SAMUEL CHEGE MWANGI	KENYA	1:14:18

Wanita Terbuka (Umur 16 - 39)

No	Bib No.	Nama	Negara	Masa
1	60097	MICHELLE CHUA	MALAYSIA	1:32:43
2	60204	CHEW JIA QI	MALAYSIA	1:34:22
3	60585	TAN LI JUN	MALAYSIA	1:35:39

Wanita Veteran (Umur 40 ke atas)

No	Bib No.	Nama	Negara	Masa
1	65257	ALICIA TOH	MALAYSIA	1:37:27
2	65528	YAP YEE LING	MALAYSIA	1:38:35
3	65015	CHUAH CHENG EAN	MALAYSIA	1:39:46

Lelaki Terbuka (Umur 16 - 39)

No	Bib No.	Nama	Negara	Masa
1	50842	SIVANESHWARAN GUNASEGARAN	MALAYSIA	1:16:20
2	50348	OW YONG JIN KUANG	MALAYSIA	1:17:04
3	50585	HAZMAN AKMAL MOHD ZALGHANI	MALAYSIA	1:17:27

Lelaki Veteran (Age 40 ke atas)

No	Bib No.	Nama	Negara	Masa
1	56478	NIK FAKARUDDIN BIN ISMAIL	MALAYSIA	1:22:17
2	55857	LOOI MUN FAI	MALAYSIA	1:23:56
3	55166	GUI CHIN KEONG	MALAYSIA	1:25:02

10KM

Wanita (Umur 16 - 39)

No	Bib No.	Nama	Negara	Masa
1	80677	TAN ZHI LIN	MALAYSIA	0:42:29
2	80911	NURUL JULIANA SHAKIRA BINTI ABDUL HALIM	MALAYSIA	0:43:07
3	80798	DAGREAT IZZURA	MALAYSIA	0:45:53

Wanita Veteran (Umur 40 ke atas)

No	Bib No.	Nama	Negara	Masa
1	85496	YU KEONG LIM	MALAYSIA	0:50:11
2	85046	LOOI MEI YAN ,MICHELLE	MALAYSIA	0:51:07
3	85180	LEE SWEE YEN	MALAYSIA	0:51:47

Lelaki Terbuka (Umur 16 - 39)

No	Bib No.	Nama	Negara	Masa
1	70234	AHMAD IZZAT IRFAN SHAHRUL AZNAN	MALAYSIA	0:35:36
2	71190	MOHD RAHIMI BIN MOHD RADZI	MALAYSIA	0:36:32
3	70524	NAGULAN LETCHUMANAN	MALAYSIA	0:38:01

Lelaki Veteran (Umur 40 ke atas)

No	Bib No.	Nama	Negara	Masa
1	75475	SURESH MUNIANDAY	MALAYSIA	0:38:20
2	75450	YONG KHONG WEI	MALAYSIA	0:40:31
3	75182	MUSHAMIR UMRAN	MALAYSIA	0:43:01

Secara keseluruhan, edisi ketujuh IJM Allianz Duo Highway Challenge bukan sahaja merupakan satu sambutan ketahanan dan semangat komuniti, malah menjadi penanda aras dalam pelaksanaan acara larian yang lestari.

-Tamat-

Mengenai IJM Corporation Berhad

IJM Corporation Berhad ("IJM"), yang ditubuhkan pada tahun 1983, kini merupakan salah satu konglomerat terkemuka di Malaysia dengan pencapaian bertaraf antarabangsa yang dibentuk melalui empat teras perniagaannya: pembinaan, pembangunan hartanah, industri (kuari dan pembuatan bahan binaan), serta konsesi infrastruktur (pelabuhan dan tol).

IJM memegang kedudukan utama dalam semua bahagian perniagaannya. Pertumbuhannya adalah hasil langsung daripada kepimpinan yang kukuh, kakitangan yang berdedikasi, pengurusan kewangan yang berhemah serta komitmen terhadap tadbir urus dan kualiti yang baik.

Pada masa ini, Kumpulan mempunyai permodalan pasaran sekitar RM8.32 bilion dan, sehingga September 2024, mempunyai kira-kira 3,500 orang kakitangan dengan jumlah aset sebanyak RM20.2 bilion.

Untuk maklumat lanjut, sila layari www.ijm.com

Mengenai Allianz di Malaysia

Allianz Malaysia Berhad ("Allianz Malaysia"), sebuah syarikat pegangan pelaburan dan anak syarikat kepada Allianz SE, beroperasi melalui dua anak syarikat insurans: Allianz General Insurance Company (Malaysia) Berhad ("Allianz General") dan Allianz Life Insurance Malaysia Berhad ("Allianz Life"). Allianz General merupakan salah satu penyedia insurans am terkemuka di Malaysia, menawarkan pelbagai perkhidmatan yang merangkumi perlindungan individu, perusahaan kecil dan sederhana, serta risiko industri berskala besar. Bagi tahun kewangan 2024, Allianz General mencatatkan Jumlah Premium Bertulis (GWP) sebanyak RM3.42 bilion.

Allianz Life pula menawarkan pelbagai produk insurans hayat dan kesihatan, termasuk produk berkaitan pelaburan. Bagi tahun kewangan 2024, Allianz Life merekodkan GWP sebanyak RM3.83 bilion, menjadikannya salah satu penyedia insurans hayat yang paling pesat berkembang di Malaysia. Allianz Malaysia kini mempunyai 30 cawangan di seluruh negara. Pada tahun 2024, Allianz Malaysia telah dinobatkan sebagai Best Digital Insurer oleh InsuranceAsia News dalam Country Awards for Excellence 2024. Allianz General turut menerima anugerah General Insurer of the Year daripada InsuranceAsia News pada tahun yang sama.



Siaran media ini dikeluarkan bagi pihak IJM Corporation Berhad
dan Allianz Malaysia Berhad

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Encik Eugene Chan | +6012 948 2223 | eugene@ecpixels.com

Encik Shah Rizal Mohamed Fawzi | +6017 275 7434 | srizalmf@ijm.com

Encik Mohd Halmiee Saharudin | +6012 383 3569 | mhalmiee@ijm.com

Puan Wan Asyura Salwa Wan Ahmad | +6012 273 1324 | wanasyura@ijm.com